

# PERBINCANGAN SUPERKONDUKTIVITI ELEKTRIK DAN KELESTARIAN: PERANAN TEKNOLOGI SUPERKONDUKTOR

Artikel oleh: Dr. Asmahani Awang

Program Fizik dengan Elektronik Fakulti Sains dan Sumber Alam telah menganjurkan perbincangan saintifik berkonsepkan fizik superkonduktor pada 22hb Mei 2015. Seperti yang kita sedia maklum, teknologi superkonduktor merupakan salah satu bidang yang berkembang pesat dan mendapat perhatian meluas daripada ahli penyelidik dan akademik dalam pelbagai bidang. Perbincangan ini dianjurkan bagi memberikan pendedahan kepada para pelajar terhadap bidang sains terutamanya teknologi superkonduktor dan aplikasi dalam kehidupan. Salah satu aplikasi penting teknologi superkonduktor yang menakjubkan adalah Maglev (magnetic levitation) yang digunakan di negara-negara maju sebagai sistem pengangkutan moden.

Perbincangan berkenaan telah dihadiri oleh pelajar tahun akhir daripada Program Fizik dengan Elektronik dan staf akademik. Perbincangan saintifik secara khususnya telah disampaikan oleh Professor Emeritus Dato' Dr. Mohd Noh Bin Dalimin. Dengan adanya perbincangan saintifik dalam bidang ini, para pelajar dapat menimba ilmu pengetahuan yang baru dan diharapkan agar minat para pelajar khususnya daripada Fakulti Sains dan Sumber Alam untuk meneroka serta mendalami ilmu sains akan semakin bertambah.

